



**PENGARUH HUBUNGAN DIPLOMATIK TURKI DAN JEPUN TERHADAP
PERKEMBANGAN ISLAM DI JEPUN**

**[THE INFLUENCE OF DIPLOMATIC RELATIONSHIP OF TURKEY AND JAPAN
ON ISLAMIC DEVELOPMENT IN JAPAN]**

*Siti Zulfa Palem Zainol & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: szulfa90@gmail.com

ABSTRAK

Kertas kerja ini menerangkan pengaruh hubungan diplomatik antara kerajaan Turki dan kerajaan Jepun pada abad ke-19 dan ke-20. Permulaan hubungan diplomatik antara kerajaan Turki dan kerajaan Jepun berlaku melalui dua era pemerintahan. Era pertama adalah empayar Uthmaniyyah dan empayar Maharaja Meiji pada abad ke-19 dan era kedua adalah kerajaan Republik Turki dan kerajaan Jepun pada abad ke-20. Di samping itu, artikel ini menerokai kepelbagaian faktor dan usaha yang dibuat oleh kedua-dua kerajaan untuk menyumbang kepada pembentukan hubungan diplomatik antara kerajaan Turki dan Jepun. Kajian kualitatif ini menggunakan sumber sekunder yang dikumpul daripada buku-buku, artikel-artikel dan tesis-tesis. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa perkembangan hubungan empayar Uthmaniyyah dan kerajaan Jepun mempunyai banyak kesan positif terhadap perkembangan Islam di Jepun. Kejatuhan empayar Uthmaniyyah tidak menghentikan hubungan diplomatik ini. Pada tahun 1924, kemunculan kerajaan Republik Turki tetap meneruskan hubungan diplomatik dengan Jepun sehingga tahun 1945 tetapi hubungan diplomatik ini terhenti akibat Perang Dunia Kedua. Dapatlah disimpulkan bahawa pengaruh hubungan diplomatik antara kedua-dua kerajaan telah membawa kepada perkembangan Islam di Jepun melalui pembentukan organisasi masyarakat Islam, pembinaan masjid dan terjemahan al-Qur'an.

Kata kunci: Hubungan diplomatik, Turki, Jepun, masyarakat Islam, pembangunan Islam

ABSTRACT

This paper reviews the development of diplomatic relation between the Turkish and Japanese governments in the 19th and 20th centuries. In the 19th century, the diplomatic relation involved the Turkish Ottoman Empire and the kingdom of Emperor Meiji. In the 20th century, it involved the Republic Turkey government and the Japanese government. In addition, this article explores the various factors and efforts made by the two governments to contribute to the establishment of diplomatic relation between Turkey and Japan. This qualitative research used secondary resources collected from books, articles and theses. The findings reveal that diplomatic relation between Ottoman and Japanese governments had many positive impacts on the development of Islam in Japan. The fall of the Ottoman Empire did not stop this diplomatic relation. In 1924, the Turkish Republic continued diplomatic ties with Japan until 1945 but the diplomatic ties ceased as a result of the Second World War. This paper

concludes that the diplomatic relation between the two governments has influenced the development of Islam in Japan through the formation of Islamic community, the construction of mosques and the translation of the Qur'an.

Keywords: Diplomatic relationship, Turkey, Japan, Islamic community, Islamic development

1.0 PENGENALAN

Hubungan kerajaan Turki dan Jepun bermula ketika zaman Uthmaniyyah era pemerintahan Sultan Abdul Hamid II dan Maharaja Meiji pada akhir abad ke 19M. Sultan Abdul Hamid II melakukan pelbagai langkah dan rundingan untuk mengukuhkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara. Kerajaan Turki Uthmaniyyah telah menghantar beberapa perwakilan negara ke Jepun melalui pelayaran kapal Ertughrul pada tahun 1890 bagi menguatkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara ini (Ismail, 2015). Sejarah menunjukkan kerajaan Jepun telah menjalin hubungan awal sebelum pelayaran kapal Ertughrul melalui kedatangan Menteri Luar Jepun, Fukuchi Genichiro ke Istanbul pada tahun 1871. Kedatangan Menteri Luar Jepun bertujuan untuk melaksanakan satu rundingan projek Perjanjian Perdagangan namun perjanjian perdagangan ini menemui kegagalan disebabkan ancaman oleh Rusia dan kuasa Barat (Naito, 1931; Ibrahim, 2011).

Selain itu, gagasan Pan-Islamisme berkembang meluas pada era pemerintahan Sultan Abdul Hamid II. Gagasan Pan-Islamisme merupakan dasar pembangunan dan pembaharuan kerajaan Uthmaniyyah yang menghadapi pergolakan dalaman politik pada abad ke 19M. Gagasan Pan-Islamisme bertujuan untuk menyatukan perpaduan umat Islam di seluruh dunia dibawah naungan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Antara kaedah Pan-Islamisme adalah melantik para pendakwah daripada pelbagai bangsa umat Islam dan dihantar ke negara-negara Islam bagi menyampaikan ideologi Pan-Islamisme di samping menyebarkan Islam (Rozali, 2002).

Menerusi gagasan tersebut, Maharaja Meiji telah meminta penghantaran ulama Islam ke Jepun bagi memperkenalkan Islam. Kedatangan ulama Syeikh Abdul Rashid Ibrahim ke Jepun membawa gagasan Pan-Islamisme pada akhir tahun 1908. Syeikh Abdul Rashid Ibrahim banyak mempengaruhi penyebaran dakwah Islam dan pembentukan komuniti Islam di Jepun. Perkembangan Islam di Jepun melahirkan beberapa individu Jepun Islam pertama iaitu Shotaro Noda dan Torajiro Yamada. Selepas itu, Revolusi Bolshevik ketika peperangan Rusia-Jepun pada tahun 1917 telah menyebabkan penghijrahan masyarakat Islam Turki-Tatar di Jepun. Penyebaran Islam di bumi Jepun menjadi semakin meluas semasa Perang Dunia pertama sehingga terdapat penubuhan masjid-masjid, pertubuhan organisasi Islam dan monumen sejarah Jepun-Uthmaniyyah di Jepun (Kassim, 2014).

Hubungan di antara kerajaan Turki dan Jepun tidak terhenti akibat kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Bahkan, kemunculan kerajaan Republik Turki pada tahun 1924 telah mengukuhkan hubungan diplomatik melalui penempatan kedutaan di Turki dan Jepun pada tahun 1925 (Nagaba, 2012; Fitri, 2016). Di samping itu, hubungan baik Syeikh Abdul Rashid Ibrahim bersama kerajaan Jepun memberikan impak yang positif terhadap perkembangan Islam. Beliau telah berjaya menubuhkan persatuan komuniti Islam serta mendapat kelulusan pembinaan masjid di Tokyo. Syeikh Abdul Rashid Ibrahim dilantik sebagai imam besar di masjid tersebut pada 12 Mei 1938 (Sakurai, 2003).

Kajian ini dilakukan secara mendalam agar mendapat gambaran jelas terhadap pembentukan hubungan kerajaan Turki dan Jepun dan kesan hubungan kedua-dua kerajaan dari aspek perkembangan Islam dan komuniti Islam di Jepun.

2.0 METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan penyelidikan kualitatif untuk mengumpulkan data dan maklumat yang tepat. Pengkaji menggunakan beberapa metode kajian dan beberapa kaedah turut diaplikasikan dalam menganalisis data yang dikumpul.

2.1 Reka Bentuk Kajian

Terdapat dua reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu kajian sejarah dan kajian analisis. Kajian sejarah merupakan reka bentuk kajian yang dilakukan melalui penilaian dan tafsiran terhadap semua bukti berdasarkan pengumpulan data terhadap peristiwa tertentu yang berlaku pada masa lalu serta membuat kesimpulan yang kukuh. Melalui metode kajian sejarah ini, penulis mengumpulkan maklumat dan data yang berkaitan dengan hubungan kerajaan Turki dan kerajaan Jepun terhadap perkembangan Islam di Jepun.


Kaedah analisis kandungan kajian dilakukan melalui penganalisaan berdasarkan kaedah saintifik bagi menentukan keaslian data dan ketepatan data tersebut. Selain itu, penulis turut menggunakan kaedah perbandingan untuk mengenal pasti maklumat data yang dikumpulkan bagi mengelakkan pandangan *bias* yang dikemukakan oleh para penulis sumber asal.

2.2 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dan maklumat dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan. Kebanyakan sumber yang digunakan oleh pengkaji diperolehi dari Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) UKM, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) UKM, Perpustakaan Fakulti Pengajian Islam UKM, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan Perpustakaan Universiti Waseda. Instrument kajian yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada sumber-sumber seperti *Japan Ottoman Relation History* daripada Chiisu Naito, *Islam in Japan* daripada Abu Bakr Morimoto dan *Al-Islam Wa Al-Adyan Fi Al-Yaban* daripada Samir Ibrahim.

2.3 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu kaedah kajian lapangan yang penting dalam kajian kualitatif. Pendekatan ini memerlukan kepada penglibatan pengkaji secara langsung untuk membolehkan pengkaji melihat, mendengar dan mengkaji di tempat tersebut untuk tempoh masa yang tertentu. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat melakukan interpretasi tentang apa yang diperhatikan dan mendokumentasikan data tersebut secara terperinci dan jelas. Kaedah pemerhatian memerlukan kepada fotografi di tempat kajian terutamanya berkaitan perkembangan Islam di Tokyo, Jepun.



Rajah 1.0 Kerangka sumber data kajian

3.0 PEMBENTUKKAN HUBUNGAN KERAJAAN TURKI UTHMANIYYAH DAN JEPUN PADA ABAD 19M

Permulaan hubungan diplomatik antara kerajaan Turki Uthmaniyyah dan kerajaan Jepun bermula pada era pemerintahan Sultan Abdul Hamid II dan Maharaja Meiji di abad ke 19M. Hubungan diplomatik ini diadakan bagi menghalang kerancakan imperialisme Barat terhadap negara-negara Asia yang mana kedua-dua kerajaan ini masih tidak berjaya dijajah oleh kuasa Barat (Morimoto, 1980; Kassim, 2014).

3.1 Pemerintahan Sultan Abdul Hamid II

Pemerintahan Sultan Abdul Hamid II bermula pada akhir tahun 1872M selepas pemerintahan Sultan Murad V. Beliau memerintah selama tiga puluh tiga tahun dan mengakhiri pemerintahannya pada 20 April 1909M. Kerajaan Turki Uthmaniyyah menghadapi pelbagai masalah ketika mana Sultan Abdul Hamid II menerajui pemerintahannya. Kemunculan gerakan-gerakan baru dan pemberontakan perkauman mengugat kerajaan Turki Uthmaniyyah. Bahkan, kekalahan dalam peperangan menyebabkan kerajaan Turki Uthmaniyyah menghadapi krisis kewangan yang kritikal. Jumlah hutang negara di antara tahun 1854-1874M telah melebihi dari pendapatan negara (Rozali, 2002).

Namun begitu, Sultan Abdul Hamid II telah melakukan perubahan dalam sistem pemerintahannya melalui beberapa perubahan dasar politik dan gerakan Pan-Islamisme bagi menyatukan umat Islam di seluruh dunia. Terdapat tiga asas politik luar negara yang dikemukakan oleh Sultan Abdul Hamid II sepanjang tempoh pemerintahannya.

1. Sultan Abdul Hamid II mengadakan perdamaian terhadap negara-negara musuh akibat kekalahan yang banyak ketika peperangan sehingga mengugat sistem pentadbiran dan pemerintahannya.
2. Sultan Abdul Hamid II menggunakan kaedah memerangi musuh dengan kelemahan musuh tersendiri. Kaedah ini telah mengugat kekuatan musuh. Kerajaan Turki Uthmaniyyah memulakan pendamaian dan hubungan diplomatik yang baik dengan Jerman. Oleh itu, kerajaan Turki Uthmaniyyah berjaya menstabilkan keselamatan Negara.
3. Polisi Pan-Islamisme merupakan rancangan baru Sultan Abdul Hamid II bagi mengubah dasar pembangunan dan pembaharuan kerajaan. Polisi Pan-Islamisme merupakan penekanan terhadap perpaduan dan kerjasama umat Islam di seluruh dunia di bawah tampuk pemerintahan sesorang khalifah (Eeman, 2002; Rozali, 2002).

Menerusi perubahan sistem pemerintahan Sultan Abdul Hamid II, beliau berjaya menstabilkan kewangan negara namun tidak dapat mengukuhkan keselamatan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Oleh itu, kerajaan Turki Uthmaniyyah membina hubungan diplomatik dengan negara-negara luar bagi menguatkan dan meningkatkan sistem keselamatan kerajaan Turki Uthmaniyyah (Rozali, 2002).

3.2 Pemerintahan Maharaja Mutsuhito Mikado (Meiji)

Pemerintahan Maharaja Mutsuhito Mikado bermula pada 24 Oktober 1868M secara rasmi. Beliau memerintah selama empat puluh empat tahun dan mengakhiri pemerintahannya pada 30 Julai 1912M. Sepanjang pemerintahan Maharaja Mutsuhito Mikado, beliau lebih dikenali dengan gelaran sebagai Maharaja Meiji. Maharaja Meiji melakukan perubahan yang besar berbanding pemerintahan sebelumnya iaitu pemerintahan Maharaja Komei (Benson & Matsumara, 2001; Ibrahim, 1972).

Perubahan dasar politik yang digunakan oleh Maharaja Meiji adalah dasar buka pintu kepada dunia luar. Hal ini kerana kerajaan sebelum Meiji mengamalkan dasar pemerintahan yang mengasingkan negara dari pengaruh Barat mahupun Asia Tengah. Perjanjian perdagangan pertama yang dimeterai oleh kerajaan Jepun dengan dunia Barat pada era pemerintahan Iesada pada tahun 1854 yang dinamai Perjanjian Kanagawa. Perjanjian ini berlaku disebabkan kerajaan Jepun mendapat tekanan yang besar daripada Komander Perry dari kerajaan Amerika Syarikat yang menyatakan bahawa beliau akan mengebom Jepun jika kerajaan Jepun tidak membuka dasar luar terhadap negara-negara Barat seperti England, Rusia dan Holland. Oleh yang demikian, Jepun membuka dasar isolasi selama dua abad dengan negara luar (Tiwon, 1980).

Kesan daripada dasar buka pintu kepada dunia luar diteruskan secara meluas oleh Maharaja Meiji mendedahkan negara Jepun terhadap pembaharuan dalam kemajuan dari ekonomi, pendidikan dan agama yang di ambil dari negara Barat. Pembaharuan pemerintahan Maharaja Meiji berlaku melalui lafaz ikrar unuk menaikkan taraf negara Jepun setaraf dengan negara-negara maju di Barat. Lafaz ikrar yang diistiharkan oleh Maharaja Meiji mengandungi lima usul:

1. Pembentukan kerajaan yang berasaskan demokrasi berparlimen.

2. Galakkan penglibatan masyarakat secara meluas dalam bidang pelajaran.
3. Penghapusan adat-adat lama yang menghalang proses kemajuan negara Jepun.
4. Larangan terhadap golongan bangsawan memandang rendah atau menindas golongan bawahan seperti petani, tentera dan orang awam.
5. Persamaan taraf dalam kalangan masyarakat.

Prinsip pemerintahan Maharaja Meiji berasaskan kepercayaan Shintoisma dapat menyatukan masyarakat dalam memajukan negara Jepun. Hubungan Shintoisma dengan mahajara saling berkait rapat kerana Maharaja merupakan wakil di dunia yang mempunyai pertalian dengan dewa atau tuhan yang dipuja oleh masyarakat Jepun. Perkembangan kerajaan Jepun dari aspek politik, ekonomi dan sosial kian kukuh melalui dasar imperialism kuasa Jepun. Kekuatan ketenteraan kerajaan Jepun kian terbukti selepas kemenangan ke atas China melalui perjanjian Shimonoseki pada tahun 1895. Menerusi hal ini, kerajaan Jepun telah membuktikan kekuatan negara Jepun sebagai kuasa besar Asia melalui perang Rusia 1905. Kemenangan kerajaan Jepun ke atas Rusia telah mengiktiraf kekuatan dan kekuasaan negara Jepun di Timur Jauh (Hammond, 2017; Benson & Matsumara, 2001).

3.3 Perjanjian Perdagangan antara Kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Jepun

Pada tahun 1881, Menteri Luar Jepun, Yoshida Masabura belayar ke Istanbul bagi merealisasikan misi rundingan perdagangan di antara kerajaan Jepun dan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Yoshida melaporkan kepada kerajaan Jepun bahawa hubungan diplomatik ini akan memberi impak yang positif bagi menangani pengaruh kuasa Barat (Naito, 1931; Tadahisa, 1982). Intipati perjanjian perdagangan antara kerajaan Jepun dan kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1883M adalah :

1. Mewujudkan dua pelabuhan utama antara kedua-dua negara bagi memudahkan urusan perdagangan.
2. Memelihara dan melindungi kepentingan antara dua negara serta memberi bantuan tatkala menghadapi serangan kuasa Barat.
3. Menjamin keselamatan sepanjang pelayaran kapal dagang antara dua Negara daripada serangan asing (Morimoto, 1980; Esenbel, 2017)

Kerajaan Turki Uthmaniyyah menyambut baik perjanjian perdagangan ini namun perjanjian ini tergendala dan menghadapi kegagalan akibat sekatan yang dilakukan oleh Rusia dan Barat. Kegagalan perjanjian perdagangan antara Jepun-Uthmaniyyah tidak memutuskan hubungan diplomatik antara dua kerajaan ini. Bahkan kedatangan Putera Komatsu ke Istanbul pada tahun 1887 untuk menemui Sultan Abdul Hamid II telah berjaya menarik minat Sultan Abdul Hamid II untuk mengukuhkan hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara bagi melindungi keselamatan negara daripada pengaruh kuasa Barat (Naito, 1931; Tadahisa, 1982).

Putera Komatsu telah menyampaikan hadiah rekaan yang berbentuk bunga kekwa (Kikuki Daijusho) daripada Maharaja Meiji kepada Sultan Abdul Hamid II. Bunga Kekwa merupakan lambang rasmi bagi bunga diraja Jepun dan tanda permulaan hubungan rasmi antara Jepun dan Uthmaniyyah. Menerusi perkara ini, Sultan Abdul Hamid II menyatakan hasrat pelayaran kapal

ertughrul ke Jepun sebagai tanda balas bagi mengukuhkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara yang berkuasa besar di Asia (Tadahisa, 1982; Naito, 1931; Kassim, 2014).

3.4 Pelayaran Kapal Ertughrul 1890

Antara usaha mengukuhkan hubungan diplomatik antara kerajaan Turki Uthmaniyyah dan kerajaan Jepun adalah melalui pelayaran kapal “Ertughrul” yang diketuai oleh Kolonel Osman Bey. Pelayaran kapal Ertughrul ke Jepun merupakan satu usaha penyebaran gerakan Pan-Islamisme ke Jepun. Penentuan tarikh pelayaran kapal Ertughrul ke Jepun ditentukan oleh Husnu Pasha pada 14 Julai 1889. Pelayaran kapal Ertughrul berlepas dari Istanbul di pelabuhan Galata disertai 61 orang pegawai kapal dan 548 orang kelasi kapal (Abdul Karim, 1979; Siddiqi, 2014; Fitri, 2016).

Pelayaran kapal Ertughrul yang jauh menyebabkan terdapat banyak perhentian di beberapa pelabuhan dilakukan oleh krew kapal Ertughrul. Perhentian pertama di Marmaris dan seterusnya di Port Said. Seterusnya kapal Ertughrul berlabuh di Singapura selama enam bulan untuk membaiki kerosakan kapal. Perjalanan kapal Ertughrul melalui beberapa pelabuhan di Hong Kong, China dan perhentian terakhir adalah Shanghai. Pada 7 Jun 1890, berakhir pelayaran kapal Ertughrul dari Istanbul ke Jepun. Kedutaan dan rakyat Jepun meyambut kedatangan rombongan Ertughrul di Pelabuhan Yokohama dengan majlis yang sangat meriah (Naito, 1931; Morimoto, 1980).

Pada 13 Jun 1890 rombongan Ertughrul telah mendapat jemputan rasmi daripada Maharaja Meiji untuk hadir ke kediaman Maharaja. Komander Osman Bey merupakan wakil rasmi bagi Sultan Abdul Hamid II telah menyerahkan beberapa hadiah dan pingat serta sepucuk surat kepada Maharaja Meiji. Usai Maharaja Meiji mendengar isi kandungan surat yang diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun, beliau amat mengalu-alukan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara ini. Tambahan pula, Maharaja Meiji telah mengurniakan pingat kehormatan kelas Pertama Matahari Terbit kepada Komendar Osman Bey atas kejayaan misi ini (Morimoto, 1980; Siddiqi, 2014; Fitri, 2016).

Setelah tiga bulan di Jepun, Komander Osman Bey dan krew-krew kapal berlepas daripada pelabuhan Yokohama pada 15 September 1890. Selepas beberapa hari belayar, pihak kerajaan Jepun menerima berita bahawa kapal Ertughrul telah dihempas taufan di Kumano. Terdapat taufan yang kuat telah menghempas kapal Ertughrul ke Kashinozaki kepulauan Kyushu berhampiran sebuah perkampungan nelayan di Wkayama. Selepas taufan tersebut reda, terdapat kesan bangkai kapal yang hancur di persisiran Kashinozaki kepulauan Kyushu dan dilaporkan bahawa 540 orang ahli kapal yang terkorban termasuk komander Osman Bey dan 69 orang sahaja yang terselamat (Naito, 1931; Morimoto, 1980; Fitri, 2016).

Tragedi kapal Ertughrul telah diketahui oleh Maharaja Meiji dan beliau mengarahkan doktor dan jururawat pergi ke Kobe dengan segera bagi merawat mangsa-mangsa yang cedera. Keprihatinan Maharaja Meiji terhadap mangsa kapal Ertughrul terbukti melalui arahnya agar menggunakan kapal perang “Heiyi” dan “Kongo” untuk menghantar mangsa-mangsa kapal Ertughrul yang terselamat ke Turki. Misi penghantaran mangsa kapal Ertughrul diketuai oleh Kolonel Tsunatsu Tanaka. Setelah tiba di Turki, Kolonel Tsunatsu Tanaka telah menemui Sultan Abdul Hamid II bagi menyampaikan surat daripada Maharaja Meiji dan hadiah serta ucapan takziah (Tadahisa, 1982; Fitri, 2016).


Selepas tragedi kemalangan Ertughrul, hubungan dua hala antara kerajaan Turki Uthmaniyyah dan kerajaan Jepun semakin rapat dan kuat sehingga akhbar Jepun iaitu “Yiji Shinbun” telah menyampaikan khabar kemalangan kapal Ertughrul kepada masyarakat Jepun dan mengutip derma untuk keluarga-keluarga krew kapal Ertughrul yang terkorban. Pada tahun 1892, derma tersebut dikumpulkan dan diserahkan kepada dua wakil Jepun iaitu Torajiro Yamada dan Shotaro Noda untuk menghantar derma tersebut ke Istanbul pada 4 April 1892. Sultan Abdul Hamid II menerima kutipan derma dan menyerahkan derma tersebut kepada keluarga-keluarga mangsa korban kapal Ertughrul. Menerusi peristiwa ini Sultan Abdul Hamid II menganugerahkan pingat dan hadiah kepada Torajiro Yamada dan Shotaro Noda.

Kedatangan Torajiro Yamada dan Shotaro Noda ke Istanbul membuka peluang kepada mereka untuk mempelajari bahasa dan budaya Turki. Di samping itu, mereka mendapat keistimewaan untuk mengajar bahasa Jepun di Istanbul bagi merapatkan hubungan antara kedua-dua negara ini. Sepanjang keberadaan Yamada dan Noda di Istanbul mendedahkan mereka kepada syiar agama Islam. Menerusi hal ini, mereka akhirnya telah memeluk agama Islam (Morimoto, 1980; Fitri, 2016). Torajiro Yamada dan Shotaro Noda merupakan rakyat Jepun pertama yang memeluk agama Islam. Nama yang diberikan kepada Yamada adalah Abdul Khalil manakala Noda dinamakan sebagai Abdul Hakim (Kuroda, 1986). Yamada dan Noda telah menetap di Istanbul selama dua tahun dan akhirnya mereka pulang ke Jepun selepas selesai berkhidmat kepada kerajaan Turki Uthmaniyyah. Oleh itu, mereka sering mengunjungi Turki dalam urusan hubungan diplomatik antara kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Jepun.

4.0 KEDATANGAN ISLAM DI JEPUN

Pada tahun 1904-1905, Pertev Pasha telah ke Jepun untuk menemui Maharaja Meiji atas arahan Sultan Abdul Hamid II bagi mengukuhkan hubungan diplomatik kedua-dua kerajaan. Maharaja Meiji telah menyatakan hasrat mengenai penghantaran tokoh Muslim ke Jepun bagi menerangkan tentang Islam terhadap masyarakat Jepun kepada Sultan Abdul Hamid II melalui Pertev Pasha. Menerusi hal ini, Sultan Abdul Hamid II berhasrat menghantar tokoh-tokoh Muslim yang berkecualan dalam menyebarkan dakwah Islam dan fahaman Pan-Islamisme di Jepun. Pada tahun 1909, Maharaja Meiji telah mengirimkan sepucuk surat peribadi kepada Putera Komatsu yang berlayar ke Istanbul. Surat tersebut telah diberikan kepada Ali Fethi Okyar kerana Sultan Abdul Hamid II tidak berada di Istanbul. Kenyataan surat itu telah dibacakan oleh Ali Fethi Okyar;

Seorang Putera Jepun dari empayar Jepun telah melawat kerajaan Turki Uthmaniyyah. Beliau membawa surat peribadi dari Maharaja Meiji. Intipati surat ini, Maharaja Meiji telah meminta Sultan Abdul Hamid II menghantarkan seorang yang berkecualan dalam agama Islam dan seorang yang mampu menerangkan tentang agama dari aspek falsafah, kepercayaan, sistem, prinsip dan peraturan dalam Islam.



Sumber: Fitri (2016)

Rajah 2.0 Surat daripada Maharaja Meiji kepada Sultan Abdul Hamid II

Selepas kemenangan Jepun ke atas Rusia, Maharaja Meiji telah mengadakan kongres agama pada tahun 1906. Oleh itu, ramai ulama Islam dan delegasi dari pelbagai Negara Islam yang datang ke Jepun antaranya Abdul Rahman A.B Thompson dari New Zealand, Ali Ahmad Jarjani dari Mesir dan Mufti Sayid Osman dari Jawa. Melalui kongres ini, ulama Islam telah mencetak buku bertajuk “Muhammad” di Jepun bagi memudahkan pengenalan Islam di kalangan masyarakat Jepun. Perkembangan Islam di kalangan masyarakat Jepun sedikit terganggu oleh gerakan dan propaganda Kristian. Kuasa Barat cuba menghalang gerakan Pan-Asianism yang dibawa oleh Jepun dan gerakan Pan-Islamisme yang dibawa oleh kerajaan Turki Uthmaniyyah di negara Asia.

4.1 Gerakan Pan-Islamisme melalui Abdul Rashid Ibrahim

Gerakan Pan-Islamisme diteruskan secara drastik oleh tokoh ilmuan Abdul Rashid Ibrahim. Abdul Rashid Ibrahim merupakan seorang Muslim yang berbangsa Serbia-Tatar. Beliau merupakan tokoh pendakwah dan pengembara yang terkenal dari Rusia. Beliau dilahirkan pada tahun 1854M di Siberia dan meninggal dunia pada tahun 1944M di Jepun. Pada tahun 1909, Syeikh Abdul Rashid Ibrahim telah tiba di Jepun. Beliau merupakan antara penggerak Pan-Islamisme yang mengembara menyebarkan fahaman Pan-Islamisme hingga ke Siberia, Turkestan, India, Manchuria, Singapura, China, Korea dan Jepun. Menerusi gerakan Pan-Islamisme ini menjadikan beliau sebagai pendakwah utama dalam menyebarkan agama Islam di Jepun (Naito, 1931; Takashi 1989; Ismail, 2015).

Sebelum kedatangan Syeikh Abdul Rashid Ibrahim ke Jepun, beliau melakukan pelbagai persediaan untuk mempelajari dan memahami budaya dan sejarah Jepun. Hal ini bagi memudahkan beliau melakukan aktiviti penyebaran fahaman Pan-Islamisme dan dakwah Islamiyah kepada masyarakat Jepun. Selepas beliau menetap di Jepun, beliau mendapati budaya dan sikap masyarakat Jepun mempunyai nilai-nilai yang hampir sama dengan agama Islam. Menurut Syeikh Abdul Rashid Ibrahim dalam buku *Alem-I Islam*, menurut kepada tradisi Jepun, prinsip dan gaya hidup mereka hampir sama dengan agama Islam. Tidak ada perbezaan prinsip yang besar di antara Jepun dan Islam (Kassim, 2014).

Di samping itu, Syeikh Abdul Rashid Ibrahim mendekati masyarakat melalui gerakan Pan-Islamisme bagi menyebarkan syiar Islam dan menyatukan semua umat Islam di Jepun (Lee, 1997). Polisi Pan-Islamisme yang dibawa oleh setiap pendakwah gerakan Pan-Islamisme merangkumi empat perkara yang berdasarkan aqidah Islam:

1. Menyeru dan menyatukan umat Islam di bawah pimpinan khalifah Turki Uthmaniyyah.

2. Merancang program pengislahan atau mengadakan perlembagaan berasaskan kerangka Islam.
3. Menguatkan hubungan di antara pusat pemerintahan khalifah dengan negara-negara Islam.
4. Menerapkan fahaman kesatuan umat Islam bagi menggalakkan semangat jihad dalam menentang kuasa Barat selepas perjanjian Berlin 1840M (Lee, 1997; Rozali, 2002).

Sepanjang tujuh bulan Syeikh Abdul Rashid Ibrahim menyebarkan dakwah Islam dan polisi Pan-Islamisme di Jepun. Beliau telah menubuhkan pertubuhan '*Asia Gi Kai*' yang bermaksud Kongres Asia. Meskipun, Kongres Asia tidak mempunyai nama yang berkaitan dengan Islam namun matlamat utama pertubuhan adalah mengembangkan syiar Islam dan memenuhi keperluan atau harapan masyarakat Islam di Jepun. Kongres ini disertai oleh sahabat Syeikh Abdul Rashid iaitu Syeikh Abdul Hay Kurban Ali dan pengikutnya (Morimoto, 1980; Rozali, 2002; Esenbel, 2017).

4.2 Kemasukan Islam melalui Revolusi Bolshevik 1917

Pada tahun 1904-1905, Jepun melancarkan peperangan ke atas Rusia. Menerusi peperangan itu, Jepun telah berjaya mengalahkan Rusia dan menawan puluhan ribu anggota Rusia. Sejumlah 71947 orang telah dihantarkan di Jepun dan ditempatkan di beberapa kota di Jepun. Sekitar 28000 orang telah ditempatkan di Osaka dan kebanyakan di antara mereka adalah orang Islam yang berbangsa Tatar. Akibat daripada peperangan Jepun-Rusia telah menyebabkan kerajaan Rusia mengalami masalah kewangan, ekonomi dan pergolakan pemerintahan sehinggakan berlaku revolusi 1905. Revolusi 1905 adalah kebangkitan rakyat dan pekerja terhadap penindasan, kezaliman kerajaan dan kesempitan kehidupan rakyat sehingga menyebabkan sebilangan rakyat terpaksa menyertai peperangan serta menjadi mangsa korban perang (Bey, 1990).

Revolusi Bolshevik 1917 merupakan kesinambungan daripada revolusi 1905 yang mengalami kegagalan dan kekalahan terhadap golongan rakyat. Revolusi Bolshevik 1917 diketuai oleh V.I Lenin bermula bulan Februari hingga Oktober 1917. Pada Oktober 1917, kaum Bolshevik telah berjaya menggulingkan kerajaan kapitalisme yang dipimpin oleh Karensky. Kebangkitan buruh, petani dan rakyat dalam revolusi ini disebabkan rakyat telah hilang kepercayaan kepada pemerintah Karensky. Kejatuhan kepimpinan kapitalisme kelihatan seperti harapan baru untuk masyarakat Islam di Rusia. Namun, kerajaan baru Soviet Union turut menindas masyarakat Islam. Masyarakat Islam majoriti berbangsa Tatar telah menetap di Rusia namun mereka telah mengambil keputusan untuk berhijrah ke Jepun, China, Manchuria dan Korea bagi mendapatkan perlindungan dan kehidupan yang lebih baik. Namun, jumlah bilangan masyarakat Islam yang berhijrah ke Jepun tidak diketahui (Bey, 1990; Lee, 1997; Hammond, 2017).

Penghijrahan masyarakat Islam ke Jepun akibat Revolusi Bolshevik merupakan antara faktor kemasukan agama Islam di Jepun. Sehubungan itu, perkembangan masyarakat Islam Tatar di Jepun menyebabkan berlakunya perkembangan Islam di beberapa kota Jepun antaranya Tokyo, Kobe dan Osaka.

5.0 ANALISIS KESAN PERKEMBANGAN ISLAM DI JEPUN

Perkembangan Islam di Jepun selepas Perang Dunia Pertama lebih kepada usaha penyebaran dan pengukuhan Islam melalui pertubuhan institusi dan persatuan Islam, pembinaan masjid dan perterjemahan Al-Quran.

5.1 Persatuan Komuniti Islam sebelum Perang Dunia Kedua

Pada tahun 1935 hingga 1943, terdapat beberapa persatuan komuniti Islam namun persatuan ini dibubarkan kerana mempunyai kaitan dengan aktiviti ketenteraan. Terdapat empat persatuan komuniti Islam dan satu pusat penyelidikan yang menerbitkan lebih 100 buah buku dan jurnal tentang Islam. Antara persatuan yang berpengaruh ialah Dai Nippon Kaikyou Kyokai (Persatuan Islam Seluruh Jepun) (Morimoto, 1980). Selain itu terdapat beberapa persatuan komuniti Islam yang ditubuhkan sebelum Perang Dunia Kedua antaranya:

Bil.	Nama Persatuan Komuniti Islam	Tahun	Huraian
1.	<i>Isuramu Bunka Kenkyuu-Jo.</i> (Islamic Culture Research Institute).	1932	Persatuan ini diketuai oleh 17 orang ulama dan menerbitkan risalah Islam 3 kali setahun.
2.	Kaikyou-Ken Kenkyuu-Jo. (Muslim World Research Institute).	1937	Persatuan ini diketuai oleh Prof. Hisao Matsuda dan Prof. Koji Okubo dan menghasilkan risalah Islam setiap bulan.
3.	Dai Nippon Kaikyou Kyokai. (Great Japan Islamic Association).	1938	Persatuan ini ditubuhkan oleh Perdana Menteri Jepun iaitu General Senjuro Hayashi dan beliau menjadi presiden persatuan ini serta mengeluarkan terbitan risalah setiap bulan.
4.	Kaikyou Jijo. (Islamic News).	1938	Persatuan ini ditubuhkan oleh Kementerian Hubungan Luar Jepun.

Sumber: Morimoto (1980)

Rajah 3.0 Senarai Persatuan Komuniti Islam Sebelum Perang Dunia Kedua

5.2 Persatuan Komuniti Islam selepas Perang Dunia Kedua

Setelah kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, Jepun berusaha membangunkan negaranya yang mengalami kemusnahan besar akibat bom atom yang digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki. Oleh itu, kebanyakan persatuan komuniti Islam bubar dan perkembangan Islam di Jepun mengalami perubahan dan cabaran yang baru. Terdapat dua persatuan komuniti Islam yang penting iaitu Persatuan Islam Jepun dan Pusat Islam Jepun.

Persatuan Islam Jepun ditubuhkan pada tahun 1952. Persatuan ini ditubuhkan oleh enam orang Islam iaitu Osman R. Matsubayashi, Sadiq Y. Imaizumi, Abdulmunir M. Watanabe, Kazuto Toriyama, Toshinori Wakisaka dan Kentaro Furusawa (Morimoto, 1980; Tanada, 2011). Ahli persatuan ini merupakan raykat Islam Jepun namun pengaruh persatuan yang

makin hebat menyebabkan kebanyakan rakyat Islam berbangsa Turki dan India turut menyertai Persatuan Islam Jepun. Matlamat Persatuan Islam Jepun mengandungi dua perkara:

1. Memperkenalkan Islam, menyebarkan dakwah tentang Islam dan mengadakan hubungan persahabatan dengan negara-negara Islam serta menyediakan atau memberi sumbangan kepada masyarakat Islam.
2. Lapan pecahan matlamat Persatuan Islam Jepun. Intipatinya:
 - I. Memperkenalkan agama Islam kepada Rakyat Jepun
 - II. Mengedarkan bahan-bahan ilmiah tentang Islam
 - III. Membiayai pembelajaran, pengajian agama serta penyelidikan dan sebagainya.
 - IV. Memberi pendidikan tentang Islam terhadap golongan yang baru memeluk Islam.
 - V. Meghubungi dan melawat komuniti Islam di Jepun
 - VI. Melakukan penukaran idea antara persatuan-persatuan Islam yang ada di seluruh dunia.
 - VII. Mempelajari daripada Negara-negara Islam tentang kaedah membangunkan ekonomi dan kewangan komuniti Islam di Jepun
 - VIII. Menubuhkan pusat pengajian Islam dan membina masjid di Jepun (Siddiqi, 2014; Kassim, 2014).

Pada tahun 1972, Persatuan Islam Jepun telah mencetak 5000 naskhah Al-Quran yang disertakan dengan maksud dalam bahasa Jepun. Usaha penerbitan Al-Quran dan maksudnya dalam Bahasa Jepun telah dimulakan oleh Haji Omar Ryoichi sejak 12 tahun yang lalu dan Abu Bakar Morimoto hanya melengkapkan maksud ayat-ayat *mahkumat* dan *mutasyabihat*. Morimoto dan tiga ahli dari persatuan tersebut telah pergi ke Mekah dan membawa hasil cetakan Al-Quran ke Rabitah al-Amin. Sehubungan itu, Raja Faisal telah menjemput mereka ke Istana di Riyadh dan menyokong usaha mereka dalam menyebarkan dan mengembangkan agama Islam di Jepun (Morimoto, 1980; Siddiqi, 2014).

Pusat Islam Jepun ditubuhkan pada tahun 1974. Antara ahli yang menyertai persatuan ini adalah daripada golongan dari luar Jepun seperti Turko-Tatar, India dan Rusia manakala selebihnya daripada komuniti Islam Jepun. Objektif utama Pusat Islam Jepun ialah menyebarkan Islam dan mendidik fahaman asas untuk mendalami Islam. Di samping itu, Pusat Islam Jepun turut menyediakan pendidikan bahasa Arab serta menfokuskan kaedah dakwah yang berkesan kepada masyarakat Jepun. Lanjutan dengan itu, Pusat Islam Jepun turut menerbitkan 5000 cetakan majalah “*Assalam*” untuk dihantar ke perpustakaan, universiti, sekolah dan pusat-pusat penyelidikan. Majalah “*Assalam*” diterbitkan untuk menghapuskan tanggapan buruk terhadap agama Islam serta membantu masyarakat Jepun mengenali erti agama Islam (Morimoto, 1980; Siddiqi, 2014).

Pekembangan agama Islam di Jepun banyak dipengaruhi persatuan-persatuan komuniti Islam. Bukan itu sahaja, perkembangan persatuan-persatuan ini turut membuahkan hasil yang positif melalui penerbitan Al-Quran dan majalah-majalah tentang Islam. Dengan pendekatan yang digunakan oleh persatuan-persatuan Islam di Jepun akan menangkis pemikiran negatif terhadap masyarakat Islam Jepun. Meskipun, bilangan masyarakat Jepun memeluk Islam tidak ramai namun komuniti Islam di Jepun semakin bertambah jumlahnya (Takeshita, 2016). Kesatuan persatuan-persatuan komuniti Islam Jepun turut menyumbang kepada pembinaan masjid seperti masjid Kobe dan masjid Tokyo.

5.3 Pembinaan Masjid Di Jepun

5.3.1 Masjid Kobe

Masjid Kobe merupakan masjid pertama yang dibina di Jepun pada 10 Oktober 1935. Lokasi masjid ini terletak di wilayah Kitano, Kobe. Penghijrahan pedagang Muslim dari India dan komuniti Muslim berbangsa Turko-Tatar dari Rusia di wilayah Kobe telah menyebabkan berlaku perkembangan komuniti Muslim yang pesat. Menurut G. Gafar iaitu seorang Muslim dari India yang memegang jawatan setiausaha di salah satu persatuan komuniti Muslim di Kobe. Beliau telah menyatakan cadangan pembinaan masjid di Kobe terhadap komuniti Muslim berbangsa India dan Turko-Tatar (Morimoto, 1980; Abdul Karim, 1979).

Menerusi hal ini, cadangan pembinaan masjid di Kobe dikemukakan kepada M. A. K. Bochia, iaitu seorang Muslim yang amat berpengaruh terhadap komuniti Islam dan kerajaan Jepun. Beliau telah menyatakan hasrat pembinaan masjid kepada kerajaan Jepun. Maharaja Jepun telah memberi kebenaran untuk pembinaan masjid ini (Sakurai, 2003; Al-Samarrai, 2009). Tambahan pula, menurut presiden komuniti Turko-Tatar iaitu Ayas Shaky Bey telah menyatakan kewujudan masjid di Kobe telah mendapat liputan yang meluas di Jepun dan memudahkan penyebaran dakwah dan aktiviti Islam di Jepun. Pembinaan masjid ini berdasarkan semangat Asia dan menjadi batu loncatan dalam menjalinkan hubungan baik dengan negara-negara Islam. (Morimoto, 1980; Al-Samarrai, 2009).

5.3.2 Masjid Tokyo

Masjid Tokyo merupakan masjid pertama yang dibina pada 12 Mei 1938 di Shibuya, Tokyo. Masjid ini mempunyai pengaruh Turki disebabkan oleh permintaan persatuan komuniti Muslim Turko-Tatar. Kedatangan Muslim Turko-Tatar di Tokyo disebabkan oleh revolusi Bolshevik di Rusia pada 1917. Antara individu penting dalam pembinaan masjid ini ialah Abdul Rashid Ibrahim, seorang individu pendakwah yang membawa gerakan Pan-Islamisme di Jepun. Beliau merupakan imam besar pertama di masjid Tokyo (Sakurai, 2003; Al-Samarrai, 2009).

Pada tahun 1986, masjid Tokyo telah dirobohkan kerana mengalami kerosakan akibat gegaran gempa bumi. Oleh itu, masjid Tokyo mengalami proses pembinaan semula yang mengambil tempoh yang lama selama 14 tahun disebabkan kekurangan dana kewangan. Pembinaan semula masjid Tokyo pada 1998 ditaja oleh *Turkish Republic Religious Affairs Presidency* dan beberapa negara-negara Islam sebanyak 1.5 billion Yen. Pada tahun 2000, masjid Tokyo telah siap dibina menggunakan seni bina Uthmaniyyah oleh arkitek Muharrem Hilmi Senalp. Beliau berpendapat bahawa terdapat pengaruh kerajaan Turki Uthmaniyyah dalam perkembangan Islam di Jepun (Sakurai, 2003; Zelef, 2003).

5.4 Penterjemahan Al-Quran ke dalam Bahasa Jepun

Penterjemahan Al-Quran sebelum Perang Dunia Kedua dilakukan di kalangan masyarakat Jepun yang bukan beragama Islam. Penterjemah Al-Quran yang pertama adalah Kennichi Sakamoto. Beliau graduan daripada jurusan sastera di Univerisiti Tokyo. Beliau bukan seorang Muslim namun beliau amat meminati agama Islam. Sakamoto menggunakan tiga terjemahan Al-Quran berbahasa Inggeris sebagai rujukan dalam terjemahan Al-Quran ke Bahasa Jepun. Terjemahan kedua Al-Quran ke dalam Bahasa Jepun dilakukan oleh Goro Takahashi, Bunpachiro Ariga dan Mizuho Yamaguchi Terjemahan Al-Quran yang kedua dinamakan “Al-Quran Senjata Umat Islam”. Pada akhir tahun 1938, terjemahan Al-Quran berjaya dicetak dengan saiz yang kecil 17 x 11 cm, 114 surah berjaya diterjemahkan dan mempunyai 878 muka surat (Morimoto, 1980; Siddiqi, 2014; Kassim, 2014).

Penterjemahan Al-Quran tetap berkembang meluas selepas Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1950, Shumei Okawa telah menterjemah dan menerbitkan Al-Quran yang dinamakan “*Koran*”. *Koran* yang diterbitkan berukuran 21 x 15 cm dan mempunyai 863 muka surat. Walaupun Sumei Okawa menghadapi kekurangan sumber akibat peperangan namun beliau tetap meneruskan terjemahan ini. Tambahan pula, Sumei Okawa bukan seorang Muslim sama seperti Kennichi Sakamoto yang meminati agama Islam dan mendalami Islam sehingga akhir hayatnya (Morimoto, 1980; Kassim, 2014).

Seterusnya, Haji Omar Ryoichi Mita merupakan penterjemah Al-Quran yang pertama beragama Islam. Beliau merupakan salah seorang rakyat Jepun yang memeluk agama Islam. Beliau merasakan tanggungjawab untuk menyebarkan agama Islam di Jepun melalui penterjemahan Al-Quran. Pada tahun 1969, beliau telah menterjemah Al-Quran ke dalam Bahasa Jepun berpandukan terjemahan-terjemahan sebelumnya. Haji Omari Mita telah memperbaiki maksud terjemahan dan disertakan asbab nuzul setiap ayat-ayat Al-Quran (Siddiqi, 2014; Kassim, 2014).

Perkembangan agama Islam di Jepun tidak terhenti selepas Perang Dunia Pertama namun usaha penyebaran agama Islam turut diteruskan selepas Perang Dunia Kedua dan berkembang seiring dengan pembangunan Jepun. Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh beberapa persatuan dan institusi Islam bagi meneruskan gerakan terjemahan Al-Quran, Tafsir dan Hadis.

6.0 KESIMPULAN

Hubungan diplomatik yang rapat antara kerajaan Turki Uthmaniyyah dan Jepun telah memudahkan penyebaran agama Islam dan penghijrahan masyarakat Islam ke Jepun. Faktor yang mempengaruhi penyebaran Islam di Jepun adalah melalui hubungan diplomatik antara Turki-Jepun bermula tragedi kapal Ertugrul, kemasukan komuniti muslim Turki-Tatar ke Jepun, Gerakan Pan-Islamisme oleh Abdul Rashid Ibrahim dan pembentukan organisasi Muslim Turki-Jepun. Kesan daripada hubungan diplomatik ini telah menyumbang sebuah masjid di bawah dana kerajaan Turki iaitu Masjid Tokyo.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah mempunyai matlamat yang sama iaitu menghalang kuasa-kuasa Barat daripada menguasai negara-negara Asia melalui konsep Pan-Islamisme dan Pan-Asianisme. Meskipun, kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah tidak menghentikan hubungan diplomatik dan perdagangan antara kedua-dua negara ini. Hubungan diplomatik antara kerajaan Republik Turki dan Jepun diteruskan sehingga bermula penubuhan beberapa persatuan Islam di Jepun dan gerakan penterjemahan al-Quran di Jepun. Perkembangan agama

Islam di Jepun menghadapi kesukaran kerana masyarakat Jepun mempunyai pegangan yang kuat dengan Shintoism dan Buddhism. Walaupun begitu, pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh persatuan komuniti Islam Jepun dalam menyebarkan dakwah Islam dan mempertahankan masyarakat Islam Jepun.

RUJUKAN

- Abdul Karim, S. (1979). The historical journey of Islam eastward and the Muslim community in Japan today. *Journal Institute of Muslim Minority Affairs*, 1(1), 117-126.
- Al-Samarrai, S. (2009). Islam in Japan: History, spread and institutions in the country. Tokyo: Islamic Centre of Japan.
- Benson, J. & Matsumara, T. (2001). *Japan 1868-1945: From isolation to occupation*. United Kingdom: Pearson Education.
- Bey, A. (1990). Peranan Jepang dalam pasca “abad Amerika” serangkai bunga. Jakarta: Antarkarya.
- Eeman, M.A. (2002). Sultan Abd al-Hamid II dan kejatuhan khilafah Islamiah (peranan dan gerakan nasionalis & golongan minoriti), kajian sejarah dan pemikiran daripada tahun (1876-1909M/1293-1327H). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd.
- Esenbel, S. (2017). Japan on the silk road encounters and perspectives of politics and culture in Eurasia. Netherlands: BRILL.
- Fitri, A. (2016). Ertugrul 1890 bahtera persahabatan merentas benua Turki-Jepun. Kajang: JT Press.
- Hammond, K.A. (2017). Managing Muslims: Imperial Japan, Islamic policy, and axis connections during the Second World War. *Journal of Global History*, 12(2), 251-273.
- Ibrahim, M.Y. (1972). *Jepun selepas Meiji*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Ibrahim, S. (2011). *Al-Islam Wa al-Adyan Fi al-Yaban*. Saudi: Al-Amal al-Muhakkamah.
- Ismail, M.R. (2015). *Kerdipan bintang Melayu di langit Turki*. Kuala Lumpur: Grup Buku Karangraf.
- Kassim, M.F. (2014). Minoriti Muslim di Jepun: Sejarah pembentukan, perkembangan dan cabarannya. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kuroda, H. (1986). Muslims in Japan: Preliminary report. *Journal of Muslims Minority Affairs*, 7(1), 187-192.
- Lee, H.S. (1977). *The advent of Islam in Korea*. Istanbul: Research Centre of Islamic History, Art and Culture.
- Morimoto, A.B. (1980). *Islam in Japan; Its past, present and future*. Tokyo: Islamic Center Japan.
- Nagaba, H. (2012). *Japan and Turkey historical process for diplomatic relations*. Tokyo: Institute of Developing Economies Tokyo.
- Naito, C. (1931). Nitto-Khoho Shi. Japan Ottoman relations history. Tokyo, Japan: Izumi shoinban.

- Rozali, E.A. (2002). *Polisi Pan-Islamisme dalam dawlah Uthmaniyah di bawah pemerintahan Sultan Abd Hamid II (1824-1918M) serta kesannya terhadap Asia Tenggara*. Bangi: Institut Kajian Rantau Asia Barat.
- Sakurai, K. (2003). *Muslim society in Japan*. Tokyo: Chikuma Shobo.
- Siddiqi, M.A.R. (2014). *Da'wah contemporary Japanese society: A case study of Tokyo Mosque*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Tadahisa, T. (1982). Turk-Japon Munasebetlerine Kisa Bakis (1871-1945). *Türk Dilnyası Arastirmalari I'akfi Dergisi*, 18(5), 124-148.
- Takeshita, S. (2016). Social and human capital among Japanese-Turkish families in Japan. *Journal Asian Ethnicity*, 17(3), 456-466.
- Tanada, H. (2011). Muslim in Japan - First preparatory meeting of representative of masjids in Japan. Retrieved from http://imemgs.com/document/2009mosqueconf_eng.pdf
- Tiwon, S. (1980). *Jepang dulu dan sekarang / Taro Sakamoto*. Yogyakarta: Gadjad Mada University.
- Zelef, M.H. (2003). *A research on the representation of Turkish national identity: Buildings abroad*. Ankara: Middle East Technical University.